

AZAM TIGA PESILAT EROPAH

Tidak mahu pulang tanpa juara



Oleh RAHIME YUSOFF

TIGA pesilat Eropah yang menempah tiket ke perlawanan akhir Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, esok masing-masing tidak mahu tercalar mahkota juara.

Mereka ialah Linhart Edwards dari Austria, Andre Mewis (Jerman) dan Mansear Ernin dari Belgium.

Ketiga-tiga pesilat itu berpendapat kejayaan mereka nanti akan membangkitkan lagi perkembangan silat di benua Eropah pada masa depan.

Menurut Mewis, dia tidak mahu terlepas peluang kali ini selepas gagal di perlawanan akhir di sini dua tahun lalu.

"Jika boleh saya tidak mahu pulang tanpa juara. Oleh itu, saya perlu berhati-hati dan mengatur serangan dengan lebih baik," katanya yang akan bertemu Somchai dari Thailand di perlawanan akhir, malam esok.

Mewis, 19, adalah naib juara dunia '87 bagi Kelas

D apabila ditewaskan oleh Linhart. Dia adalah pesilat tunggal Jerman ke kejuaraan ini apabila sembilan rakannya tidak dapat datang kerana ketiadaan tiket penerbangan.

"Kami sebenarnya kecewa kerana jempukan yang lewat membuat kami gagal membuat tempahan tiket ke sini. Saya sendiri terpaksa mengambil penerbangan tidak langsung dari Jerman sebelum ke sini," katanya.

- 6 DEC 1990

Kesukaran

Bagi Linhart, 26, pertemuannya dengan pesilat Indonesia, A M Prastyo tidak menimbul kesukaran untuk mencatat kejayaan.

Selama ini, katanya, kebanyakan pesilat melahir ketidakyakinan untuk menang jika berdepan dengan pesilat Indonesia.

"Bagi saya, siapa pun lawannya, kemenangan boleh dicapai jika kepercayaan kepada diri sendiri kuat. Selain bertarung mencari keme-

nangan, saya tidak mahu kesenian silat itu terhakis. Ini kerana masih ada pesilat masih terikut dengan gaya seni mempertahankan diri lain," kata guru silat dari Perguruan Gayong Fatani Austria.

Dia diiktiraf oleh Perguruan Gayong Fatani Malaysia selepas berada di Kuala Lumpur hampir setahun dan kini mempunyai kira-kira 300 murid di Austria.

"Perkembangan silat di Austria agak lembab kerana belianya lebih gemar bolasepak dan selebihnya memilih taekwondo. Tetapi saya tidak akan putus asa bagi mastikan silat turut mengimbangi seni mempertahankan diri lain nanti," kata Linhart.

Ernin, 18, turut menjanjikan keputusan mengejut apabila berdepan dengan juara dunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman, esok.

"Saya tahu Ruzaidi adalah pesilat terbaik di negara ini, tetapi jika saya tidak hilang keyakinan diri mungkin dia boleh ditawan," kata pesilat Belgium itu.